

# Watikah pelantikan Zuki sebagai KSN <sup>mls:2</sup>

Sinar Harian - 3/11/2020

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menerima kunjungan hormat daripada Ketua Setiausaha Negara (KSN) baharu, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dan bekas KSN, Tan Sri Dr Ismail Bakar.

Pada pertemuan di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, Dr Mahathir turut menyampaikan watikah pelantikan sebagai KSN kepada Mohd Zuki dan menyaksikan penyerahan nota serah tugas daripada Ismail kepada KSN baharu itu.

Mohd Zuki yang ditemui media selepas pertemuan selama setengah jam itu berkata, Perdana Menteri meletakkan harapan yang tinggi agar penjawat awam terus dihormati.

“Pada masa sama, penjawat awam juga perlu berusaha untuk menghormati kerana untuk dihormati kita juga perlu menghormati sama ada peraturan, prosedur atau pemegang taruh (di jabatan atau agensi masing-masing)

“Harapan saya kepada penjawat awam semoga selepas ini mereka sentiasa bersedia berhadapan dengan segala kemungkinan dan paling mustahak hendaklah ikut ikrar perkhidmatan awam dan Rukun Negara,” katanya.

Mohd Zuki turut menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menggalas amanah itu dan akan melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin dan ikhlas.

“Ini untuk memastikan penjawat awam terus berjaya melaksanakan amanah seperti yang telah dijanjikan semasa mengangkat sumpah jawatan masing-masing,” katanya.

Mohd Zuki, 58, dilantik sebagai KSN berkuat kuasa kelmarin menggantikan Ismail yang bersara wajib.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Nanyang University, Singapura mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan awam dan telah berkhidmat selama 28 tahun.

Sebelum pelantikan terkini, Mohd Zuki ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. - *Bernama*



Dr Mahathir (kiri) menyerahkan watikah pelantikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baharu kepada Mohd Zuki (dua dari kanan) sambil disaksikan Dr Ismail di Yayasan Kepimpinan Perdana semalam.